



KERAJAAN NEGERI KELANTAN
PEKELILING KERAJAAN TEMPATAN BILANGAN 1 TAHUN 2025

GARIS PANDUAN PENGELUARAN LESEN PERNIAGAAN BUNGA API
DAN MERCUN OLEH PIHAK BERKUASA TEMPATAN NEGERI
KELANTAN

1. TUJUAN

- 1.1 Pekeliling ini bertujuan untuk memberikan garis panduan berhubung tatacara pengeluaran lesen perniagaan bunga api dan mercun oleh Pihak Berkuasa Tempatan Negeri Kelantan ketika musim perayaan.

2. LATAR BELAKANG

- 2.1 Bunga api dan mercun didefinisikan sebagai bahan letupan mengikut Seksyen 2 Akta Bahan Letupan 1957 (Akta 207) dan dikawal selia di bawah akta yang sama dan Peraturan Bahan-Bahan Letupan 1923.
- 2.2 Seksyen 4 Akta Bahan Letupan 1957 (Akta 207) memberikan kuasa kepada Kementerian Dalam Negeri untuk melarang

pembuatan, pemilikan dan pengimportan bahan letupan termasuk bunga api dan mercun sepenuhnya atau tertakluk kepada syarat-syarat yang dibenarkan.

2.3 Selain itu, Seksyen 26 Akta Bahan Letupan 1957 (Akta 207) memperuntukkan bahawa Kementerian Dalam Negeri mempunyai kuasa untuk menentukan dan mengawal selia tatacara dan peraturan bagi mengeluarkan lesen pembuatan, pemilikan, penggunaan, penjualan, penyimpanan, pengangkutan, pengimportan dan pengeksportan bahan letupan termasuk bunga api dan mercun.

2.4 Sehingga kini, larangan bermain bunga api dan mercun melalui keputusan Jemaat Menteri pada 15 Februari 1995 dan 15 Mac 1995 adalah masih berkuat kuasa dan tertakluk di bawah Akta Bahan Letupan 1957 (Akta 207).

2.5 Seterusnya, Kementerian Dalam Negeri telah memberi kebenaran bersyarat kepada syarikat-syarikat yang memohon untuk mengimport, menyimpan dan menjual bunga api dan mercun sempena musim perayaan sahaja.

2.6 Pihak Polis Diraja Malaysia telah menyediakan Garis Panduan Mengimport dan Berniaga Bunga Api Jenis Happy Boom dan Pop-Pop untuk Jualan Umum Sempena Musim Perayaan dan menguatkuasakannya.

3. JENIS-JENIS BUNGA API DAN MERCUN YANG DILULUSKAN UNTUK DIJUAL SEMPENA MUSIM PERAYAAN

3.1 Kementerian Dalam Negeri dan Polis Diraja Malaysia telah meluluskan 45 jenis bunga api dan mercun untuk dijual sempena

musim perayaan di mana 36 jenis boleh dijual tanpa syarat dan 9 jenis boleh dijual dengan bersyarat.

3.1.1 36 JENIS BUNGA API DAN MERCUN TANPA SYARAT

BIL	JENIS	KOD/ LABEL
1.	Pop-Pop	01
2.	Happy Boom Glow of Sunset	02
3.	Happy Boom Sunset Bar	03
4.	Happy Boom Glories	04
5.	Happy Boom Flower Silver Cracking Rain	05
6.	Happy Boom Birthday Candle	06
7.	Happy Boom Dush 20 (Roman Candle)	07
8.	Happy Boom Dush 30 (Roman Candle)	08
9.	Happy Boom 10 Shoots (Roman Candle)	09
10.	Happy Boom 8 Shoots (Roman Candle) (New)	10
11.	Happy Boom Sun Sparkles	11
12.	Happy Boom Colour Sun Sparkle (18 inci Besi Colour)	12
13.	Happy Boom Fountain	13
14.	Happy Boom 10 inci Ice Cream (Fountain)	14

15.	Happy Boom 15 inci Ice Cream (Fountain)	15
16.	Happy Boom 13 inci Conic (Fountain)	16
17.	Happy Boom Mini Ice Cream (Fountain)	17
18.	Happy Boom Peacock Fountain	18
19.	Happy Boom Happiness Fountain	19
20.	Happy Boom Ground Boom Flower	20
21.	Happy Boom Camelia Flower	21
22.	Happy Boom Firework	22
23.	Happy Boom Pili Cracker	23
24.	Happy Boom Pili Cracker 3 Minutes	24
25.	Happy Boom Moon (Rockets)	25
26.	Happy Boom Thunder Clap (Rockets)	26
27.	Happy Boom Top Gun (UFO)	27
28.	Happy Boom Top Gun	28
29.	Happy Boom Sky Dragon (New)	29
30.	Happy Boom 14 inci Besi	30
31.	Happy Boom Bee	31
32.	Happy Boom Mancis	32
33.	Happy Boom Cili Padi	33
34.	Happy Boom Party Pooper	34
35.	Happy Boom Banana Kecil	35

36.	Happy Boom Banana Hujan	36
-----	-------------------------	----

3.1.2 9 JENIS BUNGA API DAN MERCUN DENGAN SYARAT

BIL	JENIS	KOD/ LABEL
1.	Happy Boom Red Cracker (8 inci)	37
2.	Happy Boom Red Cracker (Cake)	38
3.	Happy Boom Celebration Red Fire Cracker	39
4.	Happy Boom Assorted Celebration Cake Repeater (1 inci 49 shot)	40
5.	Happy Boom Assorted Celebration Cake Repeater (1.5 inci 138 shot)	41
6.	Happy Boom Shoot Cake (1 inci 16 shot)	42
7.	Happy Boom Shoot Cake (1 inci 25 shot)	43
8.	Happy Boom Shoot Cake (1 inci 36 shot)	44
9.	Happy Boom Tikus 50 (50 Missile)	45

4. GARIS PANDUAN MENGIMPORT DAN BERNIAGA BUNGA API JENIS HAPPY BOOM DAN POP-POP UNTUK JUALAN UMUM SEMPENA MUSIM PERAYAAN OLEH POLIS DIRAJA MALAYSIA

- 4.1 Pihak penjual mestilah warganegara Malaysia sahaja dan perlu membuat permohonan untuk mendapatkan lesen berniaga bunga api dan mercun di Ibu Pejabat Polis Daerah.

- 4.2 Permohonan untuk mendapatkan lesen berniaga bunga api dan mercun daripada Polis Diraja Malaysia boleh dilakukan oleh penjual seawal-awalnya 2 bulan sebelum perayaan.
- 4.3 Polis Diraja Malaysia hanya akan mengeluarkan lesen berniaga bunga api dan mercun untuk tempoh 30 hari sahaja di musim perayaan iaitu 15 hari sebelum tarikh perayaan dan 15 hari selepas tarikh perayaan.
- 4.4 Permohonan lesen berniaga bunga api dan mercun yang diluluskan perlu dibuat pembayaran sebanyak RM1.00 (tertakluk kepada sebarang pindaan daripada pihak Polis Diraja Malaysia).
- 4.5 Hanya perayaan yang diiktiraf oleh kerajaan sahaja dibenarkan untuk jualan bunga api dan mercun sebagaimana berikut:-
 - 4.5.1 Hari Raya Aidilfitri / Aidiladha
 - 4.5.2 Tahun Baru Cina
 - 4.5.3 Deepavali
 - 4.5.4 Krismas
 - 4.5.5 Gawai
 - 4.5.6 Keamatan
- 4.6 Pihak penjual perlu membuat permohonan dengan mengisi borang yang telah disediakan oleh Polis Diraja Malaysia.

- 4.7 Penjual hendaklah mempunyai surat daripada pembekal bunga api dan mercun yang dilantik secara sah daripada Kementerian Dalam Negeri.
- 4.8 Bagi penjual yang telah mempunyai premis perniagaan yang sah, penjual hendaklah mengemukakan lesen Suruhanjaya Syarikat Malaysia dan lesen premis perniagaan dari Pihak Berkuasa Tempatan.
- 4.9 Bagi penjual yang tidak mempunyai premis perniagaan, penjual boleh mengemukakan lesen penjaja / lesen bazar Raya dari Pihak Berkuasa Tempatan dengan syarat mempunyai tempat simpanan selamat dan diperakui oleh Bahagian Persenjataan Polis Diraja Malaysia.
- 4.10 Polis Diraja Malaysia juga akan mengadakan pemeriksaan di tempat simpanan bunga api dan mercun milik penjual bagi memastikan kesesuaian dan keselamatan tempat simpanan yang diperakui oleh Bahagian Persenjataan Polis Diraja Malaysia.
- 4.11 Penjual tidak dibenarkan sama sekali menjual bunga api dan mercun kepada pembeli berumur kurang dari 18 tahun.
- 4.12 Urus niaga bunga api dan mercun secara atas talian (*online*) atau menerusi sebarang aplikasi media sosial juga tidak dibenarkan.
- 4.13 Restoren/kedai makan tidak dibenarkan sama sekali menjual bunga api dan mercun.
- 4.14 Lesen berniaga bunga api dan mercun tidak boleh dipindah milik kepada orang lain.

- 4.15 Perniagaan runcit seperti 7-Eleven, 99 Speedmart, Mr. DIY dan lain-lain yang seumpamanya hanya dibenarkan menjual 1 jenis bunga api iaitu Bunga Api Pop-Pop.
- 4.16 Peniaga kecil/peruncit/pasar raya tidak dibenarkan menjual bunga api dan mercun (bersyarat) sebagaimana di perenggan 3.1.2.

5. TATACARA PENGELUARAN LESEN PERNIAGAAN BUNGA API DAN MERCUN OLEH PIHAK BERKUASA TEMPATAN NEGERI KELANTAN

- 5.1 Berdasarkan Undang-Undang Kecil 3, Undang-Undang Kecil Pelesenan Tred, Perniagaan dan Perindustrian Pihak Berkuasa Tempatan Negeri Kelantan 2019, kesemua aktiviti tred, perniagaan dan perindustrian tidak boleh dijalankan tanpa suatu lesen yang sah yang dikeluarkan oleh Majlis.
- 5.2 Bunga api dan mercun telah diwartakan di bawah Item (C) Bahan Kimia Bilangan 7, Jadual Keempat, Undang-Undang Kecil Pelesenan Tred, Perniagaan dan Perindustrian Pihak Berkuasa Tempatan Negeri Kelantan 2019 sebagai bahan kimia yang boleh dijalankan aktiviti tred, perniagaan dan perindustrian setelah memperoleh lesen daripada pihak Majlis dan membayar fi yang telah ditetapkan.
- 5.3 Peniaga/penjual yang memohon lesen perniagaan hendaklah mematuhi Garis Panduan Mengimport dan Berniaga Bunga Api Jenis Happy Boom dan Pop-Pop untuk Jualan Umum Sempena Musim Perayaan oleh Polis Diraja Malaysia.
- 5.4 Dokumen permohonan yang diperlukan adalah sebagaimana berikut:-

- 5.4.1 Borang permohonan lesen perniagaan yang telah di isi dengan lengkap dan jelas.
- 5.4.2 Salinan pendaftaran syarikat/perniagaan/pertubuhan (Borang 9 atau 49 atau Borang D berserta maklumat perniagaan dan pemilik).
- 5.4.3 Satu salinan kad pengenalan pemohon (warganegara).
- 5.4.4 Dua keping gambar pemohon bersaiz passport.
- 5.4.5 Memo dalaman dari Bahagian Penilaian, PBT. (sekiranya melibatkan premis kekal)
- 5.4.6 Memo Dalaman dari Bahagian One Stop Center (OSC) atau Unit Bangunan dan Kejuruteraan, PBT. (sekiranya melibatkan premis kekal)
- 5.4.7 Memo Dalaman dari Bahagian Penguatkuasaan, PBT.
- 5.4.8 Salinan surat perjanjian sewaan bangunan/premis yang sah.
- 5.4.9 Salinan surat kebenaran guna tanah atau resit pendaftaran TOL jika melibatkan tanah Kerajaan (TOL/Pendudukan Sementara).

- 5.4.10 Salinan Geran Tanah/Cabutan Hak Milik terkini/Surat kebenaran sewa atau kebenaran guna tanah (jika tanah milik pihak lain).
 - 5.4.11 Salinan lesen/permit daripada Polis Daerah (PDRM).
 - 5.4.12 Salinan surat kelulusan atau kebenaran daripada Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM) untuk mengimport (syarikat).
 - 5.4.13 Surat kebenaran/ sokongan lot sebelah (jika berkaitan).
 - 5.4.14 Pelan lantai kawasan perniagaan/premis
 - 5.4.15 Pelan lokasi premis.
 - 5.4.16 Apa-apa dokumen yang diperlukan oleh PBT.
- 5.5 Syarat-syarat bagi pengeluaran lesen perniagaan bunga api dan mercun adalah seperti berikut:
- 5.5.1 Peniaga/penjual adalah warganegara Malaysia.
 - 5.5.2 Borang permohonan dan dokumen lengkap hendaklah dihantar selewat-lewatnya 2 bulan sebelum perayaan.
 - 5.5.3 Tiada rekod kesalahan lampau daripada mana-mana Pihak Berkuasa Tempatan berkaitan dengan mengimport, memborong, memproses, menyimpan atau jualan bagi bunga api dan mercun.

- 5.5.4 Peniaga mengimport, menyimpan dan berniaga bunga api dan mercun untuk jualan umum sempena musim perayaan di Malaysia sebagaimana yang diluluskan oleh Kementerian Dalam Negeri.
- 5.5.5 Kebenaran perniagaan atau penjualan hanya kepada 45 jenis / item bunga api jenis 'happy boom' dan pop-pop (36 jenis boleh dijual dan dimainkan secara terbuka manakala 9 jenis lain adalah secara bersyarat) yang telah menjalani ujianilai dan disahkan selamat oleh PDRM.
- 5.5.6 Bunga api yang dibenarkan dijual secara terbuka adalah jenis yang selamat dan sesuai digunakan oleh kanak-kanak, tetapi mercun merah dan mercun yang kuat adalah tidak boleh dijual secara terbuka kerana membahayakan.
- 5.5.7 Mempamerkan lesen perniagaan yang mengandungi lampiran senarai bunga api jenis 'Happy Boom' dan 'Pop Pop' di tempat yang mudah dilihat bagi tujuan pemeriksaan serta penguatkuasaan oleh Pihak Berkuasa Berkenaan.
- 5.5.8 Tempoh jualan hanya dibenarkan selama 30 hari sahaja (15 hari sebelum dan 15 hari selepas tempoh musim perayaan tertakluk kepada kelulusan dan budi bicara Ketua Polis Negeri).
- 5.5.9 Penjualan di luar kawasan bangunan pasar raya atau pusat beli belah adalah dibenarkan dengan

syarat mempunyai tempat simpanan selamat dan diperakui oleh Bahagian Persenjataan PDRM.

- 5.5.10 Peniaga kecil dan peniaga bazar Raya juga dibenarkan memohon dengan syarat mempunyai tempat simpanan yang selamat dan diperakui oleh Bahagian Persenjataan PDRM manakala peniaga bazar Ramadhan tidak dibenarkan.
- 5.5.11 Perniagaan runcit seperti 7-Eleven, 99-Speedmart, Mr DIY dan lain-lain yang seumpamanya hanya dibenarkan menjual satu jenis bunga api sahaja iaitu 'Pop-Pop'.
- 5.5.12 Urusniaga secara dalam talian atau menerusi aplikasi media sosial adalah tidak dibenarkan.
- 5.5.13 Larangan menjual bunga api dan mercun di restoran dan kedai makan.
- 5.5.14 Larangan kepada peniaga dan pembeli berumur kurang daripada 18 tahun.
- 5.5.15 Memastikan jaminan keselamatan dan ketenteraman awam berdasarkan Akta Bahan Letupan 1957, Peraturan-Peraturan Bahan Letupan 1923 dan Garis Panduan Mengimport dan Berniaga Bunga Api Jenis Happy Boom dan Pop-Pop Untuk Jualan Umum Sempena Musim Perayaan.
- 5.5.16 Memastikan premis atau kawasan perniagaan untuk jualan bunga api dan mercun adalah selamat dan bersesuaian.

- 5.5.17 Kebenaran untuk berniaga bunga api dan mercun hanyalah kepada peniaga yang telah diberi kebenaran (permit/lesen/kupon/surat rasmi).
- 5.5.18 Kawasan premis hendaklah bersih dan mempunyai sistem perparitan yang teratur.
- 5.5.19 Aktiviti perniagaan tidak menimbulkan kacauganggu bunyi bising, kekotoran dan bau busuk yang tidak menyenangkan.
- 5.5.20 Premis perniagaan yang dilesenkan hendaklah digunakan untuk aktiviti perniagaan seperti yang tercatat dalam lesen.
- 5.5.21 Perniagaan yang dijalankan hendaklah tidak menimbulkan sebarang kacau ganggu dan pencemaran terhadap alam sekitar.
- 5.5.22 Menyediakan tong sampah yang mencukupi dan diakui oleh PBT dan sampah sarap hendaklah dimasukkan ke dalam beg-beg plastik sebelum dimasukkan ke dalam tong.
- 5.5.23 Pemeliharaan sebarang binatang adalah dilarang di dalam kawasan perniagaan.
- 5.5.24 Pemegang lesen hendaklah memastikan tidak berlaku kesesakan di dalam premis.
- 5.5.25 Pemegang lesen hendaklah memastikan alat kelengkapan mencegah kebakaran dipasang

dengan cukup, tangga dan jalan keluar diselenggara dengan baik.

- 5.5.26 Menyediakan alat pemadam api mengikut spesifikasi dan kriteria yang ditetapkan oleh Jabatan Bomba dan Penyelamat.
- 5.5.27 Alat pemadam api perlu dihantar ke Jabatan Bomba bagi setiap tahunan untuk diuji.
- 5.5.28 Semua alat pemadam api perlu digantung 1 meter di atas lantai dan berdekatan laluan keluar supaya mudah dilihat dan dicapai.
- 5.5.29 Semua laluan hendaklah bebas daripada sebarang halangan dan rintangan.
- 5.5.30 Memastikan semua kehendak keselamatan kebakaran yang ditetapkan oleh Jabatan Bomba dan Penyelamat dipatuhi sepenuhnya.
- 5.5.31 Bahan-bahan mudah terbakar hendaklah disimpan dalam bekas bertudung tutup sendiri yang reka bentuknya telah mendapat kelulusan.
- 5.5.32 Menyediakan peti pertolongan cemas di setiap premis.
- 5.5.33 Pemilik premis hendaklah memastikan kawasan premis bebas daripada tempat pembiakan nyamuk dan serangga pembawa penyakit.

- 5.5.34 Tiap-tiap pemegang lesen hendaklah menjaga dan menyenggara tempat atau premis berlesennya supaya sentiasa berada dalam keadaan bersih dan semua jenis barang jualan/perniagaan, dan kawasan persekitaran mestilah bersih dan dijaga rapi.
- 5.5.35 Pengaliran udara bersih hendaklah mencukupi dalam ruang perniagaan di mana kawalan bau atau ganti udara hendaklah sentiasa dijaga rapi.
- 5.5.36 Label-label keselamatan dan kebersihan hendaklah ditampal terutamanya di ruang bahaya dan kawasan makanan.
- 5.5.37 Memastikan tiada sebarang bentuk kacauganggu dan halangan di kawasan premis dan persekitaran premis.
- 5.5.38 Semua pemegang lesen dan pembantu-pembantu premis yang dilesenkan hendaklah berpakaian menutup aurat bagi orang Islam dan bagi yang bukan Islam hendaklah berpakaian sopan.
- 5.5.39 Menghentikan urusanniaga atau operasi perniagaan ketika waktu solat Jumaat atau ketika azan berkumandang.
- 5.5.40 Memastikan pencahayaan yang mencukupi di dalam premis.

- 5.5.41 Menyediakan bekalan air yang bersih dan mencukupi serta sebagaimana yang diluluskan oleh pihak berkuasa berkenaan.
- 5.5.42 Tiada sebarang aktiviti hiburan, maksiat, perlakuan tidak sopan, penggunaan bahan memabukkan/memudaratkan atau aktiviti yang menyalahi undang-undang dibenarkan diadakan di premis.
- 5.5.43 Dilarang membuat sebarang tambahan, sambungan atau pindaan pada bangunan sebelum mendapat apa-apa kebenaran bertulis daripada PBT.
- 5.5.44 Dilarang meletakkan, memasang atau menyebabkan diletak apa-apa barangan berhubung tred, perniagaan di laluan siarkaki, kakilima bangunan atau di laluan awam yang orang ramai mempunyai hak lalu di atasnya.
- 5.5.45 Dilarang menambah atau membina atau mempamerkan tambahan papan tanda perniagaan atau iklan selepas kelulusan lesen ini tanpa terlebih dahulu mendapat kebenaran daripada Majlis;
- 5.5.46 Disyaratkan papan tanda perniagaan atau iklan mempunyai tulisan jawi yang lebih besar daripada bahasa kebangsaan dan alamat penuh premis.
- 5.5.47 Memastikan sistem saliran, sistem air buangan dan perparitan disediakan dan diselenggara dalam keadaan baik.

- 5.5.48 Mematuhi prosedur operasi standard atau arahan atau peraturan yang ditetapkan oleh mana-mana Pihak Berkuasa Yang Berkenaan.
- 5.5.49 Majlis berhak mengubah atau menambah mana-mana syarat lesen dari semasa ke semasa.
- 5.5.50 Syarat tambahan yang perlu dipatuhi bagi aktiviti perniagaan berkaitan penstoran dan penyimpanan (gudang) adalah sebagaimana berikut:-

Aktiviti Perniagaan Berkaitan Penstoran & Penyimpanan (Gudang)	Syarat Tambahan Yang Perlu Dikemukakan/ Syarat Lokasi
Stor/Gudang	• Mematuhi peraturan dan perundangan yang dikuatkuasa oleh agensi-agensi lain yang berkaitan (contoh- KPDNKK, Kastam dan lain-lain). • Barang-barang gudang hendaklah disusun dengan kemas, teratur, bersih dan selamat di atas rak-rak daripada bahan yang tidak mudah berkarat, plastik yang tahan lama atau pallet kayu yang kuat dan senang dibersihkan. • Bahan-bahan simpanan merbahaya atau berjadual perlulah mendapat kelulusan daripada agensi-agensi berkaitan. [Syarat bagi stor bahan kimia, stor bahan beracun, stor bahan mudah bakar, stor bahan berbahaya dan makmal kimia]:-

	• Senarai Material <i>Safety Data Sheet</i> bagi bahan yang disimpan. • Polisi keselamatan pekerja. • Senarai PPE (<i>Personal Protection Equipment</i>) melibatkan semua pekerja.
--	--

5.6 Kadar fi-fi berkaitan sebagaimana Jadual Ketiga Undang-Undang Kecil Pelesenan Tred, Perniagaan dan Perindustrian Pihak Berkuasa Tempatan Negeri Kelantan 2019 bagi peniaga yang mempunyai premis:-

5.6.1 Borang - RM5.00

5.6.2 Fi Pemprosesan Lesen:

5.6.2.1 Perniagaan - RM70.00

atau

5.6.2.2 Perindustrian - RM100.00

5.6.3 Fi Salinan Lesen Diperakui - RM50.00

5.6.4 Fi Lesen (Setahun atau sebahagiannya):-

Jadual Keempat

**[Undang – Undang Kecil 4(5) (b), Undang-Undang Kecil Pelesenan Tred,
Perniagaan dan Perindustrian Pihak Berkuasa Tempatan Negeri
Kelantan 2019]
(c) BAHAN KIMIA**

7. Mercun/Bunga Api/Letupan

Keluasan	Memproses/ Membuat (RM)	Pemborong/ Peruncitan (RM)	Menyimpan (RM)
Sehingga 46 meter persegi	70	55	45
47 – 93 meter persegi	240	190	160
94 – 186 meter persegi	420	340	290
187 meter persegi dan ke atas	600	480	410

5.7 Bagi peniaga kecil/penjaja yang tidak mempunyai premis, kadar fi-fi berkaitan adalah sebagaimana Undang-Undang Kecil Penjaja yang sedang berkuat kuasa di Pihak Berkuasa Tempatan masing-masing.

6. PENGUATKUASAAN

6.1 Sekiranya syarat-syarat di atas dan syarat-syarat semasa yang ditetapkan oleh Pihak Berkuasa Tempatan tidak dipatuhi, maka tindakan penguatkuasaan merangkumi Notis Amaran, Notis Tawaran Mengkompaun (NTK), sitaan, penutupan premis, penggantungan lesen dan pembatalan lesen serta lain-lain tindakan boleh diambil mengikut undang-undang berikut :-

6.1.1 Undang-Undang Kecil Pelesenan Tred, Perniagaan dan Perindustrian

6.1.2 Undang-Undang Kecil Penjaja

6.1.3 Undang-Undang Kecil Iklan

6.1.4 Akta Kerajaan Tempatan 1976 (Akta 171)

6.1.5 Akta Jalan, Parit dan Bangunan 1974 (Akta 133)

6.2 Tindakan juga boleh dikenakan kepada pemegang lesen mengikut undang-undang lain yang diperuntukkan selain dari yang dinyatakan di dalam syarat-syarat pematuhan lesen ini.

7. PEMAKAIAN

7.1 Pekeliling dan garis panduan ini ditujukan kepada semua Pihak Berkuasa Tempatan Negeri Kelantan.

8. TARIKH BERKUATKUASA

8.1 Pekeliling dan garis panduan ini berkuat kuasa serta merta setelah mendapat kelulusan Pihak Berkuasa Negeri.

9. RUJUKAN

9.1 Akta Kerajaan Tempatan 1976

9.2 Akta Jalan, Parit dan Bangunan 1974


9.3 Akta Bahan Letupan 1957

9.4 Peraturan Bahan-Bahan Letupan 1923

9.5 Undang-Undang Kecil Pelesenan Tred, Perniagaan dan Perindustrian Pihak Berkuasa Tempatan Negeri Kelantan


9.6 Undang-Undang Kecil Penjaja Pihak Berkuasa Tempatan Negeri Kelantan

- 9.7 Undang-Undang Kecil Iklan Pihak Berkuasa Tempatan Negeri Kelantan
- 9.8 Garis Panduan Mengimport dan Berniaga Bunga Api Jenis Happy Boom dan Pop-Pop untuk Jualan Umum Sempena Musim Perayaan, Polis Diraja Malaysia



.....
(HJ. AHMAD ADLEE BIN YASIN)
TIMBALAN SETIAUSAHA KERAJAAN (PEMBANGUNAN)
Bertarikh : 10/09/2025

CARTA ALIR PERMOHONAN LESEN PERNIAGAAN BUNGA API DAN MERCUN BAGI PREMIS KEKAL DI NEGERI KELANTAN



CARTA ALIR PERMOHONAN LESEN PERNIAGAAN BUNGA API DAN MERCUN BAGI PENJAJA DI NEGERI KELANTAN

